

## **Zamhuri tidak pernah berniat keluar UMNO**

**Utusan Online**

**23 Mei, 2012**

IPOH 22 Mei - Naib Ketua Pemuda UMNO Kampar, Zamhuri Md. Zin menjelaskan beliau tidak pernah berniat meninggalkan UMNO kerana parti itu telah banyak berjasa kepada rakyat dan negara.

Menurut beliau, kenyataannya mahu keluar daripada UMNO seperti yang disiarkan menerusi klip video di laman YouTube Jumaat lalu dibuat dalam keadaan tertekan.

Sambil melahirkan kekesalan ekoran kenyataannya itu, Zamhuri berkata, beliau ketika itu juga berasa dipermainkan pegawai dan pentadbiran di Pejabat Tanah dan Galian Kinta di Batu Gajah sehingga membuat kenyataan melulu.

"Saya ingin memohon maaf kepada seluruh ahli UMNO. Saya telah berjuang dengan parti ini selama 27 tahun, jadi tidak mungkin saya akan memburukkan kerajaan.

"Saya juga tidak sanggup meninggalkan parti yang mempertahankan bangsa dan agama, apa yang berlaku cuma saya merasakan tidak mendapat pembelaan dalam usaha mencari rezeki," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Zamhuri menerusi laman YouTube baru-baru ini mengisytiharkan keluar UMNO dan tidak mahu dikaitkan lagi dengan parti itu atas alasan UMNO yang memerintah lebih 50 tahun gagal menjaga orang Melayu serta tidak lagi relevan.

Klip video selama tujuh minit bertajuk *Pemimpin UMNO mengamuk dan isytihar keluar parti* itu turut menuduh kononnya rasuah dalam pentadbiran Barisan Nasional (BN) amat berleluasa dan membimbangkan.

Menurut Zamhuri, akibat rasa marah yang keterlaluan ketika itu, beliau langsung tidak menyedari ada menyebut mahu meninggalkan UMNO dan menyertai DAP.

Sedangkan beliau tidak pernah berniat meninggalkan UMNO apatah lagi menyertai DAP yang selama ini dilihatnya parti yang teruk.

Zamhuri turut menafikan memanggil Timbalan Pengerusi DAP Perak, V. Sivakumar dan Ketua Pembangkang negeri, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin untuk melihat sendiri pengakuannya.

Katanya, perkara itu dapat dilihat dengan jelas melalui video tersebut yang membuktikan beliau langsung tidak membuat panggilan kepada mana-mana pihak.

Beliau juga memohon maaf kepada Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir kerana mengaitkan Menteri Besar Perak itu dalam kejadian tersebut.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0523&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Politik&pg=po\\_07.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0523&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_07.htm)

